

INFO RINGKAS

**Sumber Asas Bahan**

1 Objek yang digunakan dalam kehidupan harian diperbuat daripada pelbagai sumber asas seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, petroleum dan batuan.

Sumber asas	Bahan	Contoh
Tumbuh-tumbuhan	Getah	Sarung tangan getah, pemadam
	Kayu	Meja kayu, almari kayu
	Kapas	Tuala, stoking
Haiwan	Bulu	Topi bulu, baju sejuk
	Kulit	Kasut, beg tangan
	Sutera	Kain sutera, selendang
Petroleum	Plastik	Baldi, botol plastik
	Kain sintetik	Baju hujan, khemah
Batuan	Logam	Duit syiling, rantai emas
	Tanah	Batu bata, kaca



**Sifat Bahan**

- 1 Bahan mempunyai pelbagai sifat.
- 2 Sifat bahan boleh ditentukan dengan cara berikut.

<p><b>(a) Menyerap air dan kalis air</b></p> <p>Kalis air      Menyerap air</p>	<p><b>(b) Terapung dan tenggelam</b></p> <p>Terapung Tenggelam</p>	<p><b>(c) Mengalirkan arus elektrik</b></p> <p>Penebat elektrik      Konduktor elektrik</p>
<p><b>(d) Kebolehan penembusan cahaya</b></p> <p>Lut sinar      Lut cahaya      Legap</p>	<p><b>(e) Mengalirkan haba</b></p> <p>Konduktor haba (hujung panas)      Penebat haba (hujung tidak panas)</p>	<p><b>(f) Kekenyalan</b></p> <p>Kenyal Tidak kenyal</p>

3 Jenis bahan yang digunakan untuk mereka cipta objek perlu bersesuaian dengan fungsi objek tersebut.